

28/06/2002

Dr Mahathir sendiri tetapkan tarikh berundur

Azmi Md Deros

IPOH, Khamis - Hasrat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melepaskan semua jawatan dalam parti dan kerajaan selepas Oktober 2003 adalah keputusannya sendiri, bukannya hasil kompromi dengan Jawatankuasa Pengurusan Umno.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob menegaskan, pemilihan tarikh itu diberikan sendiri oleh Dr Mahathir kepada Jawatankuasa Pengurusan Umno dalam pertemuan di Putrajaya, Ahad lalu.

Dalam pertemuan itu, katanya, Dr Mahathir menjelaskan beliau mahu mempengerusikan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober tahun depan dan sehingga tarikh itu, akan meneruskan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Beliau berkata, jawatankuasa itu menemui Perdana Menteri untuk mendengar versi Dr Mahathir mengenai pengumumannya untuk meletak jawatan ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno 2002 Sabtu lalu.

"Kita pergi atas mandat yang diberi oleh Majlis Tertinggi untuk mendengar versi beliau... versi adalah perkataan penting di sini. Bukannya jawatankuasa ini berjumpa beliau untuk berunding.

"Kita tak pun cadangkan (tarikh berundur)," katanya kepada pemberita selepas mengetuai delegasi ke mesyuarat Majlis Penerangan Kebangsaan yang bermula di sini, hari ini.

Khalil berkata, kekeliruan timbul kerana sebuah akhbar melaporkan bahawa kompromi atau tolak ansur telah dicapai dalam pertemuan antara Dr Mahathir dengan jawatankuasa pengurusan diketuai Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Utusan Malaysia dalam laporan muka depannya Isnin lalu memetik Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub sebagai berkata MT akan mengumumkan 'tolak ansur' yang dipersetujui dalam pertemuan itu.

Khalil berkata, dalam pertemuan dengan jawatankuasa pengurusan Umno, Dr Mahathir menceritakan bukan saja maksud dan ketegasannya untuk berundur, tetapi juga menyampaikan mesej kepada MT mengenai harapan dan perkara yang ingin dilihatnya.

"Sebahagian ini terkandung dalam kenyataan yang dibuat Selasa lalu.

Ini termasuk hasrat beliau untuk mempengerusikan mesyuarat OIC selama berada dalam jangka masa peralihan dan juga memegang jawatan Menteri Kewangan," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri turut menceritakan latar belakang kenapa membuat pengumuman Sabtu lalu dan jawatankuasa pengurusan menghormati setiap perkataan yang dinyatakannya dan semua itu disampaikan kepada MT.

Khalil bagaimanapun tidak pasti apabila ditanya sama ada Dr Mahathir berniat hendak mengumumkan tarikh peletakan jawatannya ketika menggulung perbahasan dalam perhimpunan itu.

(END)